

## **v. PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN RISIKO DAN INSURANS DENGAN KEPUJIAN [BRMI (Hons)]**

### **PENGENALAN**

Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans dengan Kepujian yang dilancarkan pada tahun 2004 merupakan program pertama yang seumpamanya ditawarkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

### **MATLAMAT PROGRAM**

Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans (dengan Kepujian) ditawarkan bagi memenuhi objektif berikut :

1. Melahirkan graduan dalam bidang pengurusan risiko dan insurans bagi memenuhi permintaan tenaga kerja dalam disiplin berkaitan.
2. Membekalkan pelajar dengan asas yang kukuh dalam teori dan konsep pengurusan risiko dan insurans.
3. Melahirkan graduan yang intelektual, mahir, berdaya saing dan berhemah dalam bidang pengurusan risiko dan insurans.
4. Melahirkan graduan yang berkebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan teori dalam meningkatkan kefahaman komuniti tentang pengurusan risiko dan insurans melalui penyelidikan, perundingan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

### **PROSPEK KERJAYA**

Graduan program mempunyai propek kerjaya yang tinggi. Mereka bukan sahaja layak untuk bekerja di syarikat-syarikat insurans malahan juga berpeluang untuk mendapat jawatan di sektor lain memandangkan bidang pengurusan risiko semakin dititikberatkan di setiap organisasi seluruh dunia. Peluang ini wujud kerana aspek pengurusan risiko adalah penting untuk menentukan kejayaan dan kemandirian sesebuah organisasi. Contohnya, semua institusi kewangan (termasuk perbankan dan insurans) kini perlu menguruskan risiko strategik dan operasi, selain daripada menguruskan risiko kewangan tradisional mereka. Begitu juga dengan sektor perubatan yang perlu menguruskan risiko liabiliti. Secara khususnya, industri insurans menawarkan pelbagai jenis peluang pekerjaan. Bidang kerjaya dalam industri insurans yang wujud adalah di syarikat-syarikat insurans termasuk pengendali takaful, syarikat reinsurans, syarikat ajuster, broker dan kaptif. Program ini juga menyiapkan graduan untuk menjadi *Registered Financial Planners (RFP)* di mana graduan

boleh mendapat kelebihan pengecualian (exemption) sehingga maksima enam daripada tujuh modul di bawah RFP programme of Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

### **DEKAN PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN**

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim  
BA (Actuarial Sc) (Iowa), MSc (Actuarial Sc) (Iowa),  
PhD (Finance) (DeMontfort)  
e-mel: yibrahim@uum.edu.my

### **TIMBALAN DEKAN**

Prof. Madya Dr. Sallahuddin Hassan  
Dip. Agric, BSc (Hons) (UPM), MPA (USC), MA (Tennessee),  
PhD (Malaya), Dip. Econ (Econ. Inst. Colorado), Dip. Penulisan  
(DBP-PLM)  
e-mel: din636@uum.edu.my

### **KETUA JABATAN PERBANKAN DAN PENGURUSAN RISIKO**

Dr. Arpah Abu Bakar  
BBA (Actuarial Sc.) (Risk Management & Insurance) (Wisconsin-Madison), MBA (Insurance) (North Texas), PhD (UUM)  
e-mel : arpah@uum.edu.my

### **PENYELARAS PROGRAM**

Dr. Habibah Tolos  
Dip. Sains Aktuari (UiTM), BSBA (Actuarial Sc.) (Hartford),  
MA (Mgt Systems) (Hull), PhD (Retirement Systems) (Hull)  
e-mel : habibaht@uum.edu.my

### **PROFESOR**

Prof. Dr. Hj Mohd Rasid bin Hussin  
BSc (Business Admin.) (Indiana State), MSc (Risk Management & Insurance) (Golden Gate), PhD (Risk Management) (Glasgow Caledonian).  
e-mel : mdrasid@uum.edu.my

## PROFESOR MADYA PELAWAT

Prof. Madya. Dr. Abdelnaser Omran  
High Diploma (Sanitary Engineering), Higher Professional Institute of Engineers, Libya, BSc (Civil Engineering) (Libya), MSc (Project Management) (USM), PhD (Environment Management & Engineering) (USM)  
e-mel: omran@uum.edu.my

## PENSYARAH KANAN

Dr. Arpah Abu Bakar  
BBA (Actuarial Sc.) (Risk Management & Insurance) (Wisconsin-Madison), MBA (Insurance) (North Texas), PhD (UUM)  
e-mel : arpah@uum.edu.my

Dr. Habibah Tolos  
Dip. Sains Aktuari (UiTM), BSBA (Actuarial Sc.)(Hartford), MA (Mgt Systems)(Hull), PhD (Retirement Systems) (Hull)  
e-mel : habibaht@uum.edu.my

Dr. Lim Chee Chee  
BBA (Hons), MSc (Management)(UUM), PhD (City Univ.)  
e-mel : cclim@uum.edu.my

Dr. Norlida Abdul Manab  
DPA (UiTM), BBA (Hons), MSc (Fin)(UUM/BAe), PhD (UiTM)  
e-mel : norlida@uum.edu.my

## PENSYARAH

Dr. Diara Md. Jadi  
BBA (UUM), MSc (Insurance & Risk Management)(City Uni.)  
PhD (Risk Management & Insurance)(Uni. of Bradford)  
e-mel : diara@uum.edu.my

Norliza Dasahi  
BSc (Actuarial Sc.)(Roosevelt Univ), MSc (Actuarial Sc.)(City Univ.), Shariah RFP  
e-mel : norliza@uum.edu.my

Shahrul Nizam Ahmad  
DBS, BBA (Ins) (UiTM), MCom (Risk Mgt & Ins)(New South Wales), IFP  
e-mel : shahrul@uum.edu.my

Tan Sek Choo  
B.Mgmt (Hons) (USM), MBA (UPM), CPA  
e-mel : tan@uum.edu.my

Zairol Azhar Auzzir \*  
DBS, BBA (Finance) (UiTM), MSc (Risk Mgmt.) (Glasgow Caledonian Univ.)  
e-mel : zairol@uum.edu.my

\* Cuti Belajar

## STRUKTUR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN RISIKO DAN INSURANS DENGAN KEPUJIAN [BRMI (HONS)]

Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insurans dengan Kepujian mengandungi **LIMA (5)** komponen seperti di bawah:

KOMPONEN	JAM KREDIT
A. TERAS UNIVERSITI	25
B. TERAS PROGRAM	71
C. MINOR	18
D. ELEKTIF PROGRAM	12
E. ELEKTIF BEBAS	3
<b>JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN</b>	<b>129 JAM KREDIT</b>

Bagi dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dengan Kepujian, seseorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus **minimum 129 jam kredit** yang meliputi kursus-kursus dalam struktur program seperti di bawah:

### A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT)

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
SADE1013	Asas Keusahawanan	3
SADN1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SADN1043	Hubungan Etnik	3
<b>SBLE1063</b>	<b>English Proficiency I</b>	<b>3</b>
<b>SBLE2113</b>	<b>English Proficiency II</b>	<b>3</b>
<b>SBLE3123</b>	<b>English Proficiency III</b>	<b>3</b>
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	4

Pilih **SATU (1)** bidang ko-kurikulum yang diminati dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan bagi setiap bidang.

**B. TERAS PROGRAM (71 JAM KREDIT)**

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT
BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3	TIADA
BEEB2033	Ekonomi Gunaan	3	BEEB1013 Prinsip Ekonomi
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3	TIADA
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3	TIADA
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3	Telah mengambil dan lulus 100 jam kredit
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3	TIADA
BPMN3123	Etika Pengurusan	3	TIADA
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3	SQQS1013 Pengantar Statistik <b>DAN</b> telah melengkapkan sekurang-kurangnya 70 jam kredit
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3	BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan <b>ATAU</b> BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR1013	Risiko dan Insurans	3	TIADA
BWRR3033	Pengurusan Risiko	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3043	Pengurusan Manfaat Pekerja	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans

			<b>DAN</b> BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3093	Seminar Pengurusan Risiko dan Insurans	3	Tahun akhir <b>DAN</b> Telah melengkapkan sekurang-kurangnya 100 jam kredit
BWRR3123	Urus Tadbir Korporat	3	TIADA
BWRR3133	Analisis Risiko dan Pembuatan Keputusan	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans <b>DAN</b> BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR3143	Pengurusan Risiko Harta dan Liabiliti	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR3153	Pembiayaan Risiko	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans <b>DAN</b> BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
GLUL2023	Undang-undang Perniagaan	3	TIADA
SQQS1013	Pengantar Statistik	3	TIADA
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3	TIADA
BWRX4908	Praktikum	8	Telah mengambil dan lulus semua kursus yang terkandung di dalam struktur program

### C. MINOR (18 JAM KREDIT)

Pelajar **WAJIB** memilih **SATU (1)** Minor daripada **EMPAT (4)** bidang Minor berikut:

1) **STATISTIK INDUSTRI** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	PraSyarat
SQQM1034	Kalkulus I	4	TIADA
SQQM2023	Algebra Linear	3	SQQM1034 Kalkulus I <b>ATAU</b> SQQM1023 <b>Matematik Untuk Pengurusan</b>
SQQS1033	Penjelajahan dan Pengitlakan Data	3	TIADA
SQQS1043	Kebarangkalian dan Statistik	3	SQQS1033 Penjelajahan dan Pengitlakan Data
SQQS2063	Statistik <b>Pentaabiran</b>	3	SQQS1043 Kebarangkalian dan Statistik
SQQS2073	Pemodelan Regresi	3	SQQS2063 Statistik Pentaabiran <b>ATAU</b> SQQM2023 Algebra Linear
SQQS2083	Teknik Pensampelan	3	SQQS2063 Statistik Pentaabiran
SQQS3063	<b>Peningkatan Kualiti Berstatistik</b>	3	SQQS2063 Statistik Pentaabiran
SQQS3153	Kaedah Tak Berparameter	3	SQQS2063 Statistik Pentaabiran
SQQS3163	Kaedah Peramalan	3	SQQS2073 Pemodelan Regresi
SQQP3023	Pemodelan Pemutusan	3	TIADA

**ATAU**

2) **PERAKAUNAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Perakaunan (SOA)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	PraSyarat
BKAA2013	Audit dan Asurans I	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I <b>ATAU</b> BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAF1023 <b>Pengantar Perakaunan Kewangan</b>
BKAA3023	Audit dan Asurans II	3	BKAA2013 Audit dan Asurans I
BKAR1013	Perakaunan Kewangan & Pelaporan I	3	BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAR2023	Perakaunan Kewangan & Pelaporan II	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I
BKAM2013	Perakaunan Pengurusan I	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I <b>ATAU</b> BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAF1023 <b>Pengantar Perakaunan Kewangan</b>
BKAM3023	Perakaunan Pengurusan II	3	BKAM2013 Perakaunan Pengurusan I

BKAS2013	Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I <b>ATAU</b> BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAS2123	Analisis & Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3	BKAS2013 Sistem Maklumat Perakaunan
BKAT2013	Pengantar Pencukaian	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I <b>ATAU</b> BKAL1013 Perakaunan Perniagaan <b>ATAU</b> BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAT3023	Pencukaian Lanjutan	3	BKAT2013 Pengantar Pencukaian

**ATAU**

**3) PENGURUSAN OPERASI** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	PraSyarat
BJIP2053	Sistem Maklumat Pengilangan dan Operasi	3	<b>BJIB2033 Tekno Maklumat &amp; Komunikasi</b>
BJMP2033	Pengurusan Pengeluaran dan Operasi	3	<b>BJQK1103 Maths utk Teknologi DAN BJQP2013 Teknik Statistik</b>

			<b>Dalam Pembuatan Keputusan ATAU BJQK1103 Maths utk Teknologi DAN BJQK1203 Statistik utk Teknologi ATAU SQQS1013 Pengantar Statistik ATAU SQQM1063 Matematik Diskret ATAU SQQS1033 Penjelajahan dan Pengittakan Data</b>
BJMP3023	Rekabentuk Sistem Operasi	3	BJMP2033 Pengurusan Pengeluaran dan Operasi
BJMP3033	Pengurusan Inventori	3	BJMP2033 Pengurusan Pengeluaran dan Operasi
BJMP3053	Strategi Operasi	3	BJMP2033 Pengurusan Pengeluaran dan Operasi
BJMP3073	Pengurusan Pembelian dan Rangkaian Pembekal	3	BJMP2033 Pengurusan Pengeluaran dan Operasi
BJMQ3013	Pengurusan Kualiti	3	TIADA
BJMQ3113	Pengurusan Sistem Kualiti	3	BJMQ3013 Pengurusan Kualiti
BJTH3053	Pengurusan Projek	3	TIADA
BJTH3123	Pengurusan Strategik dalam Teknologi	3	<b>Telah mengambil dan lulus 90 jam kredit</b>

**ATAU**

4) **LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML)

- Pelajar **WAJIB** memilih **ENAM (6)** kursus daripada senarai kursus di bawah:

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	PraSyarat
BPMG2013	Teori dan Praktis Pengangkutan	3	TIADA
BPMG3013	Dasar dan Perancangan Pengangkutan	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3043	Sistem Maklumat Pengangkutan	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3053	Pengurusan Pengangkutan Darat	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3063	Pengurusan Pengangkutan Berrel	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3083	Pengurusan Perkapalan	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3093	Pengurusan Pengangkutan Udara	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3103	Perancangan dan Pengurusan Airport	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3113	Pengurusan Logistik & Pengangkutan	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan
BPMG3133	Pengurusan Pengudangan	3	BPMG2013 Teori dan Praktis Pengangkutan

D. **ELEKTIF PROGRAM (12 JAM KREDIT)**

Pilih mana-mana **EMPAT (4)** kursus daripada senarai berikut:

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRASARAT
BKAT2013	Pengantar Percukaian	3	BKAR1013 Perakaunan Kewangan dan Pelaporan I ATAU BKAL1013 Perakaunan Perniagaan ATAU BKAF1023 Pengantar Perakaunan Kewangan
BKAT3023	Percukaian Lanjutan	3	BKAT2013 Pengantar Percukaian
BWFF3013	Kewangan Korporat	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3073	Kewangan Peribadi	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3013	Analisis Pelaburan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWFF3033	Pengurusan Portfolio	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR2033	Insurans Hayat dan Kesihatan	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans <b>DAN</b> BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR2043	Operasi Syarikat Insurans	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR3023	Sains Aktuari	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3053	Reinsurans	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans

BWRR3063	Pengurusan Risiko Kewangan	3	BWFF2043 Pengurusan Kewangan Lanjutan
BWRR3073	Pengurusan Risiko Kredit	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3083	Insurans Marin dan Penerbangan	3	BWRR1013 Risiko dan Insurans
BWRR3103	Pengurusan Estet	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRR3113	Perancangan Persaraan	3	BWFF2033 Pengurusan Kewangan
BWRS2013	Takaful	3	TIADA
BWRZ3993	Latihan Ilmiah	3	BPMN3143 Kaedah Penyelidikan <b>DAN</b> telah melengkapkan sekurang-kurangnya 100 jam kredit
GLUE3013	Undang-undang Insurans	3	TIADA
SBLE3173	English for Professional Communication	3	SBLE3123 English Proficiency III

### E. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar perlu memilih mana-mana **SATU (1)** kursus yang ditawarkan oleh program pengajian lain di pusat pengajian yang sama atau kursus pusat pengajian lain dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas

### CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER UNTUK PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN RISIKO DAN INSURANS DENGAN KEPUJIAN [BRMI (HONS)]

Kod Kursus	Semester 1	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 2	Jam Kredit
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3	BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3
SADN1013	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3	STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3	BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3	SQQS1013	Pengantar Statistik	3
SBLE1063	English Proficiency I	3	SBLE2113	English Proficiency II	3
BWRR1013	Risiko dan Insurans	3	SADE1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>
Kod Kursus	Semester 3	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 4	Jam Kredit
BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3	BWRR3033	Pengurusan Risiko	3
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3	BWRR3143	Pengurusan Risiko Harta dan Liabiliti	3
SADN1043	Hubungan Etnik	3	BEEB2033	Ekonomi Gunaan	3
SBLE3123	English Proficiency III	3	GLUL 2023	Undang-undang Perniagaan	3
VXXXXXXX	Minor 1	3	VXXXXXXX	Elektif Program 2	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Minor 2	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1	VXXXXXXX	Ko-kurikulum	1
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>
Kod Kursus	Semester 5	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 6	Jam Kredit
BPMN3123	Etika Pengurusan	3	BWRR3153	Pembiayaan Risiko	3
BWRR3043	Pengurusan Manfaat Pekerja	3	BPMN 3143	Kaedah Penyelidikan	3
BWRR3133	Analisis Risiko dan Pembuatan Keputusan	3	BWRR3123	Urus Tadbir Korporat	3
VXXXXXXX	Minor 3	3	VXXXXXXX	Minor 4	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	3	VXXXXXXX	Elektif Bebas	3
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>
Kod Kursus	Semester 7	Jam Kredit	Kod Kursus	Semester 8	Jam Kredit
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3	BWRX4908	Praktikum	8
BWRR3093	Seminar Pengurusan Risiko dan Insurans	3			
VXXXXXXX	Elektif Program 4	3			
VXXXXXXX	Minor 5	3			
VXXXXXXX	Minor 6	3			
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>

**Jumlah Jam Kredit Keseluruhan: 129 Jam Kredit**

## PENAWARAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER

KOD	NAMA KURSUS	SEMESTER PERTAMA	SEMESTER KEDUA
BWRR1013	Risiko dan Insurans	X	X
BWRR2033	Insurans Hayat dan Kesihatan	X	
BWRR2043	Operasi Syarikat Insurans	X	
BWRR3023	Sains Aktuari		X
BWRR3033	Pengurusan Risiko	X	X
BWRR3043	Pengurusan Manfaat Pekerja	X	X
BWRR3053	Reinsurans	X	
BWRR3063	Pengurusan Risiko Kewangan	X	
BWRR3073	Pengurusan Risiko Kredit		X
BWRR3083	Insurans Marin dan Penerbangan		X
BWRR3093	Seminar Pengurusan Risiko dan Insurans	X	
BWRR3103	Perancangan Estet		X
BWRR3113	Perancangan Persaraan	X	
BWRR3123	Urus Tadbir Korporat	X	X
BWRR3133	Analisis Risiko dan Pembuatan Keputusan	X	
BWRR3143	Pengurusan Risiko Harta dan Liabiliti		X
BWRR3153	Pembiayaan Risiko		X
BWRS2013	Takaful	X	X
BWRZ3993	<b>Latihan Ilmiah</b>	X	X

## SINOPSIS KURSUS

### **BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS** **PRA-SYARAT TIADA**

Kursus ini melihat konsep asas risiko dan insurans. Kursus ini adalah kursus asas di dalam pengurusan risiko dan insurans. Antara tajuk-tajuk penting termasuk pengenalan kepada risiko, teknik-teknik pengurusan risiko, konsep dan prinsip asas insurans, kontrak insurans, dan jenis-jenis insurans hayat dan insurans am yang terdapat di dalam pasaran.

### **BWRR2033 INSURANS HAYAT DAN KESIHATAN** **PRA-SYARAT BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS DAN BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini mengenai insurans hayat dan kesihatan. Ia memperkenalkan pelajar kepada pelbagai jenis insurans hayat, insurans kesihatan dan anuiti yang terdapat di dalam pasaran. Kursus ini menekankan kriteria dan aspek perundangan di dalam kontrak insurans hayat dan kesihatan. Kursus ini juga menyentuh mengenai pengurusan tuntutan dan operasi pengunderaitan syarikat-syarikat insurans hayat. Lanjutan dari itu, pelajar juga akan akan belajar cara pengoperasian sesebuah syarikat dan bagaimana menilai insurans polisi. Kursus ini juga melihat bagaimana insurans hayat dan kesihatan boleh digunakan dalam perancangan kewangan peribadi, persaraan dan perancangan perniagaan.

### **BWRR2043 OPERASI SYARIKAT INSURANS** **PRA-SYARAT BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS**

Kursus ini membincangkan aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam menguruskan sebuah syarikat insurans. Antara operasi penting yang disentuh adalah pengkadaran, pengunderaitan, pengeluaran, penyelesaian tuntutan, reinsurans dan pelaburan. Sebagai tambahan, etika dalam operasi syarikat insurans juga turut dibincang.

### **BWRR3023 SAINS AKTUARI** **PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini akan meliputi aspek-aspek teknikal insurans hayat. Pelajar akan didedahkan kepada model, simbol dan jadual yang digunakan oleh aktuari dalam menentukan kadar premium sesebuah produk insurans hayat. Keputusan yang dibuat adalah berdasarkan pengiraan matematik dan kebarangkalian kejadian, termasuk unsur-unsur risiko.



**BWRR3033            PENGURUSAN RISIKO**  
**PRA-SYARAT        BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini memperkenalkan konsep risiko dan kepentingan pengurusan risiko kepada perniagaan. Pelajar akan mempelajari pelbagai teknik yang boleh digunakan dalam menguruskan risiko dengan lebih berkesan dan sistematik melalui proses pengurusan risiko. Tumpuan turut diberikan dalam menguruskan risiko tulen yang dihadapi sesebuah perniagaan.

.....

**BWRR3043            PENGURUSAN MANFAAT PEKERJA**  
**PRA-SYARAT        BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS DAN**  
**BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Pengurusan manfaat pekerja sangat penting kepada sesebuah organisasi kerana pekerja adalah asset yang tidak ternilai. Kursus ini membincangkan manfaat-manfaat yang ditawarkan kepada pekerja dan pengurusan manfaat tersebut termasuk teknik pembiayaan. Antara manfaat yang dibincangkan adalah kesihatan dan insurans hayat juga manfaat persaraan.

.....

**BWRR3053            REINSURANS**  
**PRA-SYARAT        BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS**

Reinsurans bermaksud memindahkan sebahagian risiko yang dihadapi oleh syarikat insurans kepada syarikat lain. Einurans sangat penting kepada sesebuah syarikat insurans kerana ia membenarkan kepelbagaian untuk risiko yang diunderait. Kursus ini memperkenalkan prinsip asas yang termaktub didalam perniagaan reinsurans. Pelajar juga akan mempelajari undang-undang dan peraturan yang berkaitan dalam amalan reinsurans. Tumpuan diberikan kepada kaedah yang digunakan dalam operasi reinsurans.

.....

**BWRR3063            PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**  
**PRA SYARAT        BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN**  
**LANJUTAN**

Risiko adalah ciri-ciri penting dalam perniagaan. Sebuah perniagaan akan menghadapi risiko yang berkaitan dengan asas perniagaan, risiko kewangan, kecairan dan risiko kredit. Semua risiko ini akan mempengaruhi keputusan di dalam perniagaan dan prestasi syarikat di masa akan datang. Dalam kursus ini, pelajar akan belajar empat jenis risiko kewangan yang utama, bagaimana risiko boleh dinilai dan diuruskan. Pelajar akan didedahkan kepada konsep penilaian risiko seperti *Value at Risk (VaR)* dan menilai beberapa jenis terbitan (*derivative*) yang sesuai untuk menguruskan risiko kewangan. Pelajar juga akan didedahkan dgn beberapa kaedah pemindahan risiko. Untuk meningkatkan pefahaman, para pelajar perlu menyediakan projek berkaitan isu pengurusan risiko kewangan.

**BWRR3073            PENGURUSAN RISIKO KREDIT**  
**PRA SYARAT        BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada risiko kredit dan pengurusan. Risiko kredit adalah ditakrifkan sebagai kebarangkalian tidak menerima pembayaran yang dijadualkan. Ia termasuklah risiko kredit yang dihadapi oleh bank-bank, institusi kewangan, syarikat insurans, syarikat-syarikat perindustrian, dana pencen, peniaga-peniaga derivatif, *clearing house* dan bursa. Kaedah dan teknik dalam pengurusan risiko kredit seperti model risiko kredit dan pendekatan portfolio akan diperkenalkan kepada pelajar.

.....

**BWRR3083            INSURANS MARIN DAN PENERBANGAN**  
**PRA-SYARAT        BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS**

Kursus ini merangkumi semua aspek dalam pemahaman prinsip, operasi, aplikasi dan isu dalam insurans penerbangan dan marin. Perbincangan termasuk aspek perundangan dalam insurans penerbangan dan marin, insurans kargo dan pengurusan risiko dalam industri penerbangan.

.....

**BWRR3093            SEMINAR PENGURUSAN RISIKO DAN**  
**INSURANS**  
**PRA-SYARAT        PELAJAR TAHUN AKHIR DAN TELAH**  
**MELENGKAPKAN    SEKURANG-KURANGNYA 100 JAM**  
**KREDIT**

Kursus ini adalah kursus yang menyeluruh yang menyediakan pelajar peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang pengurusan risiko dan insurans yang telah diperolehi sebelum ini dengan membincangkan kajian kes. Kaedah berbeza akan digunakan pelajar dapat implement konsep, prinsip dan teori yang telah mereka perolehi dalam menguruskan risiko. Tumpuan utama dalam melatih kemampuan pelajar dalam membincangkan kajian kes terpilih. Pelajar juga dikehendaki membuat persediaan dan persembahan untuk menunjukkan kemampuan mereka mengaplikasi pengetahuan pengurusan risiko mereka secara meluas apabila mereka menganalisis dan menyelesaikan masalah perniagaan.

.....

**BWRR3103            PERANCANGAN ESTET**  
**PRA-SYARAT        BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini menumpukan kepada salah satu bidang penting dalam perancangan kewangan. Di dalam Bahagian 1, definisi dan skop perancangan estet akan diterangkan. Kemudian pelajar akan diperkenalkan dengan pelbagai teknik dan prosedur dan pengagihan asset secara cekap kepada waris. Proses dan

strategi untuk mewariskan asset juga akan dibincangkan. Seterusnya, pengurusan dan pelupusan asset dengan menggunakan kaedah berkaitan seperti wasiat dan amanah akan dibincangkan. Kursus ini jugan akan melihat pelbagai struktur perniagaan dan isu-isu berkaitan penciptaan, pembendungan dan penghapusan kepentingan perniagaan di dalam perancangan kewangan keluarga.

.....

**BWRR3113 PERANCANGAN PERSARAAN**  
**PRA-SYARAT BWFF2033 PENGURUSAN KEWANGAN**

Kursus ini menumpukan aspek perancangan kewangan yang penting iaitu perancangan persaraan. Kursus ini akan membincangkan strategi tabungan dalam menentukan keperluan pendapatan, membina kekayaan dan keperluan modal selepas persaraan. Kursus ini akan membiasakan pelajar dengan kepentingan konsep perancangan persaraan termasuk program persaraan kerajaan, tabungan dan pusingan pelaburan.

.....

**BWRR3123 URUS TADBIR KORPORAT**  
**PRA-SYARAT TIADA**

Kursus urus tadbir korporat membincangkan peranan dan tanggungjawab pemilik, peranan dan tanggungjawab ahli lembaga pengarah, kompensasi eksekutif, kawalan dalaman, dan pendedahan aturan urus tadbir. Kod urus tadbir korporat yang digunakan di Malaysia dan negara-negara lain akan turut dibincangkan. Akhir sekali, kursus ini akan melihat kepada teori-teori, prinsip dan peraturan yang berkaitan dengan urus tadbir korporat.

.....

**BWRR3133 ANALISA RISIKO DAN PEMBUATAN**  
**KEPUTUSAN**  
**PRA-SYARAT BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS DAN**  
**BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN LANJUTAN**

Kursus ini akan memperkenalkan konsep kekerapan dan ketenatan sebagai asas dalam menganalisa risiko. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai teknik dan kaedah dalam menganalisa risiko secara berkesan dan menggunakan maklumat berkaitan untuk membuat keputusan yang diperlukan. Penggunaan alatan atau aplikasi berkaitan analisis risiko yang terdapat di pasaran turut akan ditumpukan dalam kursus ini.

.....

**BWRR3143 PENGURUSAN RISIKO HARTA DAN**  
**LIABILITI**  
**PRA-SYARAT BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS**

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap teori, konsep dan amalan insurans harta dan liabiliti di Malaysia. Penekanan diberikan dalam menguruskan risiko harta dan liabiliti dengan pendedahan kepada insurans harta dan liabiliti. Aspek undang-undang yang berkaitan dengan pendedahan risiko liabiliti juga akan ditangani.

.....

**BWRR3153 PEMBIAYAAN RISIKO**  
**PRA-SYARAT BWRR1013 RISIKO DAN INSURANS DAN**  
**BWFF2043 PENGURUSAN KEWANGAN LANJUTAN**

Bidang pengurusan risiko berkembang dengan pesat. Perkembangan terkini menunjukkan pengurus risiko perlu mengambilkira kedua-dua risiko tulen dan risiko spekulatif. Kaedah insurans dan lain-lain teknik pemindahan risiko semakin mencabar dengan produk inovatif yang lebih dikenali sebagai kaedah pemindahan risiko alternative. Kursus ini akan membincangkan kaedah-kaedah pemindahan risiko termasuk reinsurans, insurans risiko finit dan 'securitization'.

.....

**BWRS2013 TAKAFUL**  
**PRA-SYARAT TIADA**

Takaful merupakan produk pilihan selain insurans konvensional. Kursus ini membincangkan takaful atau insurans Islam, dimana ianya direka untuk memenuhi kehendak masyarakat Islam. Sebagai tambahan, pelajar akan mempelajari konsep, teori dan aplikasi Islam yang berkaitan dengan insurans. Pelajar juga akan didedahkan kepada perbezaan operasi antara takaful dan insurans konvensional. Isu-isu semasa berkaitan industri takaful turut ditekankan.